

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	13 NOVEMBER 2016

Mahathir guna politik ugutan – Madius

um- 13/11/2016

KOTA KINABALU 12 Nov. - 'Politik ugutan' Tun Dr. Mahathir Mohamad jelas terbukti pada zaman pemerintahannya apabila mana-mana pihak yang cuba membangkitkan isu Perjanjian Malaysia 1963 antara Kerajaan Persekutuan dengan Sabah berdepan hukuman penjara di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), di Kamunting.

Pendedahan itu dinyatakan Pemangku Presiden Pertubuhan Pasok Momogun Kadazan Dusun Murut Bersatu (UPKO), Datuk Seri Madius Tangau yang mendakwa, bekas Perdana Menteri itu akan mengugut sekali gus memenjarakan mana-mana pihak yang menyatakan permintaan dan pendirian berhubung perjanjian berkenaan.

"Perkara ini berbeza pada zaman pemerintahan Datuk Seri Najib Tun Razak. Kita sedar kebebasan bersuara adalah hak kita dan ini dihormati serta dihargai oleh Najib," katanya ketika berucap pada Konvensyen UPKO 2016 di Pusat Kebudayaan Penampang, di sini hari ini.

Konvensyen itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak serta dihadiri Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman dan Presiden Kehormat UPKO, Tan Sri Bernard Dompok



Tun Dr. Mahathir membuat pengakuan mengenai Projek IC, kini menyalahkan Najib atas segalanya. Lebih teruk lagi, dia kini adalah dalang di belakang gerakan menentang kerajaan yang dia sendiri terajui selama 22 tahun."

MADIUS TANGAU **Pemangku Presiden UPKO**

serta barisan pemimpin komponen BN.

Madius yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menjelaskan, UPKO mempunyai hak untuk memperbetulkan mana-mana intipati dalam perjanjian itu yang seakan-akan dimanuskahkan.

Bagaimanapun, ujarnya, UPKO tidak meminta lebih selain apa yang termaktub pada perjanjian tersebut serta mengulangi pendirian bahawa Sabah adalah sebahagian Malaysia.

Dalam pada itu, kata beliau,

UPKO mahu Tun Dr. Mahathir dipertanggungjawabkan dalam isu pemberian kad pengenalan (MyKad) kepada warga asing di negeri ini.

Madius mendakwa, peranan bekas Perdana Menteri itu dalam pengeluaran MyKad kepada pendatang asing tanpa izin (PATI) jelas terbukti ekoran pengakuan beliau menerusi sedutan laman YouTube.

"Tun Dr. Mahathir membuat pengakuan mengenai Projek IC, kini menyalahkan Najib atas segalanya. Lebih teruk lagi, dia kini adalah dalang di belakang gerakan menentang kerajaan yang dia sendiri terajui selama 22 tahun. Aneh tapi benar. Yang pasti, UPKO tidak mahu bersekongkol dengan siapa yang bertindak sedemikian," ujarnya.

Oleh itu, katanya, UPKO juga menggesa pihak berkuasa menarik balik semua MyKad penduduk yang dikeluarkan di negeri ini bagi membolehkan status kerakyatan Sabah disemak semula.

"Berdasarkan kajian, hampir semua responden (PATI) mengakui mereka memasuki negara ini secara haram dan dengan mudah mendapat MyKad secara salah melalui aktiviti merasuah pihak berkuasa," katanya.